

B B388 AAB

MAHATHIR-BELIA

1985

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MELANCARKAN PERHIMPUNAN BELIA ANTARABANGSA DI STADIUM NEGARA HARI INI DENGAN GESAAN KEPADA PARA BELIA TEMPATAN AGAR SENTIASA BERSIKAP DAN BERTINDAK SEBAGAI SEORANG WARGANEGARA MALAYSIA.

KATANYA SETIAP BELIA DI NEGARA INI MESTILAH LEBIH MEMENTINGKAN NEGARA MALAYSIA SECARA KESELURUHANNYA DARIPADA MEMENTINGKAN PERASAAN KEDAERAHAN ATAU KENEGERIAN.

DALAM HAL INI, KATA PERDANA MENTERI, RANCANGAN-RANCANGAN BELIA HENDAKLAH MENGAITKAN ASPEK PEMBINAAN IDENTITI MALAYSIA SECARA MENYELURUH SUPAYA PERKEMBANGAN YANG SIHAT DAN MURNI TIDAK AKAN DIPENGARUHI OLEH UNSUR-UNSUR NEGATIF.

PARA BELIA SETERUSNYA HENDAKLAH MEMPERBAIKI STRATEGI DAN LANGKAH MEREKA SERTA MENINGKATKAN PEMBABITAN MEREKA DALAM USAHA UNTUK MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT DAN NEGARA YANG LEBIH KUKUH DAN MAKMUR.

+UNTUK INI APA YANG LEBIH PENTING DI KALANGAN BELIA IALAH MENEKANKAN NILAI-NILAI SEJAGAT ATAU NILAI-NILAI BERSAMA SEPERTI HORMAT MENGHORMATI, CINTA AKAN TANAHAIR, INGINKAN PERSAHABATAN DAN KEAMANAN,+ TEGASNYA.--LAGI

1811MST 15 05 85

B B396 AAB

MAHATHIR-BELIA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA SEMUA PERSATUAN BELIA MENGHENTIKAN SEGALA AMALAN YANG BOLEH MEMISAHKAN PARA BELIA SEBALIKNYA HENDAKLAH MENEKANKAN AKTIVITI BERSIFAT BERSAMA YANG MEMBAWA KE ARAH PERSAUDARAAN DAN PERSEFAHAMAN ANTARA KAUM.

BAGI PIHAK KERAJAAN, KATANYA, DASAR-DASARNYA SEPERTI DASAR EKONOMI BARU, DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DILAKSANAKAN SEBAGAI BEBERAPA DASAR POKOK DALAM MEMBENTUK SATU IDENTITI MALAYSIA.

SAMBIL MENARIK PERHATIAN BAHAWA 76 PERATUS PENDUDUK NEGARA INI ADALAH GOLONGAN BELIA, PERDANA MENTERI MENYARANKAN PARA PEMIMPIN BELIA MESTI MEMPUYAI SIFAT-SIFAT KEPIMPINAN YANG MATANG DAN MAMPU MENGGALAKKAN PENYERTAAN YANG AKTIF DARIPADA ANGGOTA PERSATUAN MASING-MASING DALAM USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU BERKATA DEMI MEMANDANGKAN MAJU MUNDURNYA SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA SISTEM NILAI YANG DIAMALKAN, BELIA MALAYSIA HENDAKLAH MENENTUKAN BAHAWA NILAI-NILAI YANG BAIK SEPERTI KERAJINAN, DISIPLIN, KEIKHLASAN, KEJUJURAN DAN KEBERSIHAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA NILAI-NILAI YANG MENGGERAKKAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENASIHATI PERSATUAN BELIA AGAR MENGASINGKAN DIRI DARIPADA KEGIATAN MEMINTA-MINTA TANPA BERUSAHA SENDIRI TERLEBIH DAHULU DALAM MENJAYAKAN KEGIATAN MASING-MASING.--LAGI

1827MST 15 05 85

MAHATHIR-BELIA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI DADAH, BELIAU MENYERU PERSATUAN-PERSATUAN BELIA MEMAINKAN PERANAN POSITIF DENGAN MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN PERSATUAN SUPAYA MINAT KEPADA PERSATUAN DAN AKTIVITINYA DAPAE LIA MEWAKILI 30 PERSATUAN DARI SELURUH NEGARA MENGHADIRI PERHIMPUNAN HARI INI. WAKIL 14 BUAH NEGARA LUAR TURUT MENYAKSIKAN PERHIMPUNAN ITU.

PENGERUSI MAJLIS BELIA MALAYSIA, ENCIK TAJOL ROSLI GHAZALI TELAH MELAFAZKAN IKRAR BELIA DAN ACARA-ACARA LAIN YANG DIPERSEMBAHKAN IALAI NYANYIAN KOIR, PERSEMBAHAN TARIAN DAN JIMNASTIK OLEH MURID-MURID SEKOLAH.

SEMPENA PERHIMPUNAN ITU, PENULIS CALLIGRAPHER TERKENAL DARI JEPUN, KAMPO HARADA TELAH MENYAMPAIKAN CEK BERNILAI \$10 JUTA DERMA PERIBADINYA UNTUK PEMBINAAN PUSAT BELIA ANTARABANGSA DI BANDAR TUN RAZAK DI SINI. -- BERNAMA

1843MST 15 05 85